

## PENGGUNAAN BAHASA DALAM MEDIA SOSIAL: ANALISIS PERBANDINGAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA CINA DARI ASPEK MORFOLOGI

Khor Gek Suan

Pusat Pengajian Bahasa Literasi dan Terjemahan, Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia.

[Tel:+6012-5574692](tel:+6012-5574692) Email: [pbkhorgeksuan@usm.my](mailto:pbkhorgeksuan@usm.my)

Siti Rashidah binti Bahrulddin

Pusat Pengajian Bahasa Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

Tel:+ 6018-3987512 Email: [pbshidah@usm.my](mailto:pbshidah@usm.my)

### ABSTRAK

Morfologi ialah satu bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan-perkataan. Kajian morfologi meliputi struktur, bentuk dan juga penggolongan kata. Struktur kata bermaksud susunan bunyi unjuran atau bunyi lambang yang bermakna dalam sesuatu unit bahasa. Bentuk kata ialah rupa unit tatabahasa itu sendiri, sama ada bentuk tunggal ataupun perkataan yang terhasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Manakala penggolongan kata pula ialah proses mengkategorikan perkataan berdasarkan bentuk dan fungsinya. Kajian ini menfokuskan aspek morfologi yang diaplikasikan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti bentuk bahasa khususnya dari aspek morfologi dalam penulisan media sosial berbahasa Melayu dan berbahasa Cina. Bagi memenuhi tujuan kertas kerja ini beberapa kajian lepas telah dianalisis secara mendalam. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan pengambilan bahan kajian dalam Internet. Dapatan kajian mengemukakan bentuk-bentuk morfem yang ekonomik bagi kedua-dua bahasa yang digunakan dalam media sosial dan menghuraikan dinamika proses transformasi dalam pembentukan morfem. Hasil kajian ini memaparkan cabaran dan kepentingan untuk memelihara kemurnian bahasa sambil memberikan ruang untuk perkembangannya.

*Kata kunci: morfologi, media sosial, bahasa Melayu, bahasa Cina*

### 1. Pengenalan

Sejak belakangan ini, tahap bahasa yang digunakan oleh pengguna media sosial elektronik dikatakan semakin rendah dan membimbangkan. Hal ini disebabkan bahasa yang digunakan dalam penulisan media sosial tidak menepati aspek morfologi yang seharusnya diberikan perhatian dan keutamaan. Oleh itu, timbul kerisauan bahawa jika masalah ini tidak dibendung, kesalahan bahasa yang lebih besar dan rumit akan berlaku dan akhirnya bahasa manusia akan rosak (Nik Safiah Karim, 2003). Antara jenis kesalahan bahasa yang paling merisaukan adalah bentuk morfem yang disingkatkan dengan begitu pesat sehingga ada morfem yang terbentuk dengan satu aksara (huruf, angka atau simbol) sahaja.

Sebenarnya, penggunaan morfem singkat bukanlah fenomena baharu. Ejaan nama manusia seperti yang tertera dalam kad pengenalan, misalnya, telah lama mengalami penyingkatan. Contohnya ialah “Mohd” atau “Md” untuk “Mohammad”, “Abd”, “Ab” atau “A” untuk “Abdul” dan “Sh” (Syarifah). Begitu juga nama-nama tempat seperti negeri, daerah, kampung dan jalan, serta nama syarikat dan pertubuhan. Terdapat juga beberapa perkataan umum yang mengalami penyingkatan. Antaranya adalah “yg” (yang), “sgt” (sangat), “spt” (seperti), “sg” (sungai), “kg” (kampong), “tg” (tanjung), “dll” (dan lain-lain) dan “dsb” (dan sebagainya).

Jika diperhatikan, penyingkatan morfem ini mempunyai dua ciri utama iaitu ia tidak wewenang dan tidak produktif. Tidak wewenang bermaksud penggunaannya mematuhi kaedah atau peraturan tertentu yang bersifat umum. Tidak produktif pula bermakna penggunaannya yang sangat terhad (hanya yang diterima secara konvensi). Kaedah paling ketara ialah huruf pertama perkataan tidak digugurkan. Peraturan lain ialah huruf bersifat “lemah” lebih utama digugurkan berbanding huruf yang

“dominan”. Huruf “lemah” biasanya ialah vokal manakala huruf “dominan” ialah konsonan (kecuali “h”). Istilah yang digunakan oleh Za’ba (1953:9) bagi kedua-dua jenis huruf ini iaitu huruf “benar” (konsonan) dan “saksi” (vokal) dapat menggambarkan sifat ini.

Dalam media sosial sekarang pula, penggunaan singkatan tetap tidak wewenang iaitu ia masih perlu mematuhi kaedah tertentu. Antaranya adalah huruf pertama (kecuali huruf “lemah”) tidak digugurkan. Walau bagaimanapun, penggunaan morfem singkat dalam media sosial sangat produktif dan tidak lagi terikat secara konvensi. Dengan kata lain, setiap penulis bebas mengemukakan bentuk morfem singkat yang diciptanya sendiri. Keadaan ini menghasilkan kata singkatan yang tidak lagi terhad dari segi jenis dan jumlahnya. Ringkasnya, setiap perkataan boleh disingkatkan ejaannya termasuk yang sudah sangat pendek seperti “di” menjadi “d” sahaja. Aspek negatifnya sehingga dapat dianggap sebagai kesalahan bahasa ialah ia menyukarkan pembacaan dan pemahaman bagi khalayak umum.

Dengan latar belakang ini, kajian ini dijalankan untuk meneliti masalah penggunaan bahasa dari aspek morfologi dalam media sosial dan membandingkannya antara dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Cina. Kajian ini menekankan aspek pembentukan kata yang digunakan dalam media sosial melalui proses morfologi yang tidak mengikut konvensi umum. Dengan kata lain, setiap pengguna laman sosial menggunakan bentuk perkataan yang dijana berdasarkan proses morfologi pilihan mereka sendiri. Keadaan ini menghasilkan bentuk-bentuk perkataan yang tersendiri, yang ada antaranya sukar dikenali, khususnya oleh pembaca umum. Keadaan yang telah menjadi fenomena ini boleh menimbulkan masalah kecelaruan bahasa, dan dapat menggugat keaslian dan kedudukannya. Masalah ini lebih ketara bagi bahasa Melayu kerana kedudukannya sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu negara ini.

## **2. Pernyataan Masalah dan Tujuan Kajian**

Kemunculan media sosial berikutan penciptaan peralatan komunikasi serta aplikasinya telah mencorakkan bentuk baharu komunikasi yang ciri utamanya ialah ekonomik, dinamik, pantas dan tangkas. Melalui media sosial, maklumat dalam bentuk berita, cerita, pandangan dan ulasan mengenai sesuatu peristiwa atau isu disebar dan dikongsikan oleh lebih ramai orang, dalam tempoh yang sangat pantas dan menjangkau khalayak yang sangat luas. Dalam situasi ini, timbul keperluan untuk menulis maklumat tersebut ringkas dan secepat yang boleh supaya ia dapat disebar dan dikongsikan dengan cepat melalui media sosial. Yang menjadi sasaran utamanya ialah aspek ejaan perkataan, yang disingkatkan melalui proses transformasi morfologi terutama pengguguran huruf dan suku kata. Proses ini menjana bentuk-bentuk perkataan yang janggal dan sukar dibaca/difahami kerana ia menyimpang dari rumus tatabahasa dan tidak mematuhi konvensi umum. Dari sisi positifnya pula, ia menjana bentuk-bentuk perkataan yang ekonomik (menggunakan jumlah aksara yang minima) – suatu keperluan untuk memenuhi tuntutan cara berkomunikasi yang pantas dan tangkas. Persoalan yang cuba dijawab melalui kajian ini ialah sama ada fenomena ini meliputi semua bahasa utama di Malaysia, khususnya bahasa Melayu dan bahasa Cina. Persoalan yang lain ialah apakah bentuk-bentuk morfem yang ekonomik yang digunakan dalam media sosial, dan sejauh manakah dinamik proses transformasi yang diaplikasikan untuk menjana bentuk-bentuk morfem berkenaan bagi kedua-dua bahasa yang dikaji. Persoalan yang tidak kurang penting ialah sama ada bentuk morfem yang ekonomik ini harus diterima penggunaannya dalam aliran utama berbahasa termasuk sebagai bahasa rasmi negara.

Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini akan cuba mencapai objektif yang berikut:

- 1) mengenal pasti bentuk bahasa, khususnya dari aspek morfologi, dalam penulisan media sosial berbahasa Melayu dan berbahasa Cina
- 2) mengenal pasti bentuk-bentuk morfem yang ekonomik bagi ketiga-tiga bahasa yang digunakan dalam media sosial
- 3) menghuraikan dinamika proses transformasi dalam pembentukan morfem yang ekonomik tersebut

### 3. Kepentingan Kajian

Kemunculan dan perkembangan drastik serta meluas bentuk komunikasi melalui media sosial, yang bercirikan kepantasan dan ketangkasan, telah melahirkan bentuk bahasa yang “baharu” bagi memenuhi keperluan komunikasi tersebut. Ciri penting bahasa “baharu” itu ialah ia bersifat ekonomik, terutama bentuk morfemnya yang singkat. Oleh sebab morfologi ialah tunjang utama dan asas dalam linguistik, kemunculan dan penggunaan meluas bahasa “baharu” ini perlu diberikan perhatian. Dalam situasi ini, timbul dua kepentingan yang bertentangan. Pada satu sisi, kepentingannya ialah untuk memelihara keaslian dan kemurnian bahasa. Pada satu sisi lagi, kepentingannya ialah untuk menerima bentuk bahasa “baharu” itu sebagai sebahagian daripada dinamikanya dalam arus pesat perkembangan teknologi maklumat. Perkembangan-perkembangan ini memerlukan kajian-kajian berbentuk morfologi seperti ini dibuat untuk memahami dinamika baharu bahasa. Yang lebih penting ialah kajian seperti ini dapat dimanfaatkan sebagai panduan untuk membuat keputusan dalam menghadapi dinamika baharu berbahasa kini.

### 4. Sorotan Kajian

Kajian mengenai penggunaan bahasa dalam media sosial telah banyak dilakukan. Hal ini didorong oleh pesatnya pertumbuhan laman sosial dari segi jumlah dan pengaruhnya. Antara yang menjadi perhatian pengkaji ialah aspek bahasanya termasuk morfologi atau bentuk perkataan yang dikatakan janggal kerana menyimpang daripada rumus tatabahasa dan konvensi umum. Hal ini berlaku kerana ramainya pengguna media sosial, dan kebanyakan mereka tidak mendapat latihan secara formal tentang selok-belok kepengarangan, apa lagi kewartawanan.

Bagi media sosial berbahasa Melayu, antara kajian tentang aspek ini yang pernah dibuat adalah Penggunaan Bahasa dalam Laman Blog dari Aspek Morfologi (Siti Norsyahida et al. 2015). Kajian ini tertumpu pada aspek kejanggalan bentuk morfem yang terdapat dalam laman-laman blog berbahasa Melayu. Antara bentuk kejanggalan yang dikaji adalah kesalahan ejaan dan imbuhan, pemajmukan serta pengandaian perkataan.

Kajian lain ialah Analisis Linguistik terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Pelajar di IPTS (Noor Akhmarisha et al. 2017). Kajian dilakukan mengenai penggunaan bahasa dalam kumpulan WhatsApp (aplikasi komunikasi percuma media sosial) oleh pelajar-pelajar ijazah pertama institusi swasta. Kajian mendapati bahawa bentuk kejanggalan yang dominan ialah penyingkatan ejaan dan pencampuran perkataan. Kajian seterusnya ialah Ciri dan Fungsi Komunikatif Bahasa Melayu Sabah dalam Media Sosial (Kartini Abd. Wahab. 2018). Kajian tertumpu pada penggunaan bahasa Melayu dalam platform media sosial Facebook yang membincangkan isu-isu politik. Kajian mendapati bahasa Melayu yang digunakan menerima pengaruh bahasa etnik Dusun dan serantau dari segi ejaan, struktur ayat dan kosa kata. Awang Sariyan (2000) juga ada membincangkan aspek kesalahan morfologi oleh pengguna bahasa. Beliau membahagikan kesalahan ini kepada empat jenis iaitu kesalahan ejaan, penggunaan/pemilihan perkataan, imbuhan dan susunan kata.

## 5. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan pengambilan bahan kajian daripada internet. Kaedah kepustakaan, iaitu penggunaan buku dan makalah elektronik, berfungsi sebagai sumber rujukan untuk melihat hasil kajian lampau tentang aspek morfologi dan kajian yang berkaitan dengannya. Dapatan kajian-kajian ini dimanfaatkan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik dan mendalam mengenai topik ini, dan juga untuk menentukan skop kajian ini. Bahan kajian yang digunakan ialah siaran-siaran berbentuk teks yang terdapat dalam laman sosial popular kini seperti Facebook, Twitter, Instagram dan WhatApps. Pemilihan bahan kajian dibuat berdasarkan kriteria tertentu iaitu kekinian isu yang dibincangkan, mewakili strata masyarakat iaitu dewasa dan remaja, serta tokoh dan marhaen. Sejumlah 20 siaran berbentuk teks yang mempunyai kriteria ini dipilih untuk dianalisis. Kandungan penuh teks ini serta sumbernya dimuatkan pada bahagian “Hasil kajian”.

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah transformasi generatif (Nik Safiah Karim et al., 2003). Teori ini menekankan perubahan yang berlaku dalam penjana bahasa, iaitu daripada peringkat dasarnya hingga terjana dalam bentuk lisan atau tulisan. Seperti pada peringkat sintaksis atau ayat, terdapat tiga jenis transformasi, iaitu penambahan atau peluasan, pengguguran dan penyusunan semula unsur, yang dapat menjana bentuk tertentu perkataan. Ringkasnya, unsur dalam perkataan, iaitu huruf dan suku kata/imbuan, dapat melalui mana-mana proses transformasi ini untuk menjana bentuk morfem yang “baharu”.

Dalam proses menganalisis bahan kajian ini, buku Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga dan laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan bahan rujukan utama bagi menentukan kejanggalan yang terdapat dalam sampel kajian (siaran berbentuk teks). Bagi bahagian bahasa Cina pula, bahan rujukannya ialah *Kamus Cina Modern*. Kejanggalan bahasa ditentukan dengan merujuk rumus-rumus tatabahasa dan juga penggunaan yang diterima umum (konvensi).

## 6. Hasil Kajian

Bagi bahasa Melayu, sebanyak tiga hantaran dan balasan dalam laman sosial Facebook dan Instagram yang meliputi pelbagai topik/isu dan lapisan pengguna dipilih sebagai sampel. Sampel tersebut dan analisisnya adalah seperti yang berikut:

Sampel (1) ialah hantaran yang dikutip daripada Facebook Azizul Azli Ahmad bertarikh 17 Mei 2023. Subjek atau isu yang dibincangkan berkaitan dengan tabung simpanan. Alamatnya:  
<https://www.facebook.com/photo/?fbid=10225857206040217&set=a.1623348787004>

*Sampel 1:*

*BILA KITA 10 TAHUN LEBIH AWAL.*

*Semakin awal kita bermula, semakin banyak duit kita akan berkembang.*

*Kuasa compounding interest nilai simpanan kita antara kuasa yang menarik.*

*Ia lebih menarik dari skim cepat kaya, duit dan dividen yang kita dapat digandakan jika kita tak ambil atau sentuh*

*Semakin awal kita mula, walau kecil jumlahnya. Akan beri gandaan yang lebih baik pada orang yang mula lewat walaupun banyak.*

*Moga dapat sesuatu.  
Salam jumaat ya*

*Betul tu Dr [Azizul Azli Ahmad](#).*

*Saya mula menyimpan RM50 sebulan ketika usia saya 17 tahun lagi hasil paksaan Mama saya. Hasil simpanan itu mewajarkan sebuah Perodua Kancil 660 GX dipandu seawal usia 23 tahun.*

*Di usia 23 tahun pula saya diajar melabur saham tapi, hanya sekitar 2005 sahaja baru saya menemui rentak. Terima kasih buat Abang Bob yang ada saya nukilkan tunjuk ajar beliau di dalam ebook 6% Trade saya.*

*Hasil pelaburan saham dipairingkan dengan emas pada ketika itu membolehkan nama saya tercatat di 16 helaian muka depan S&P yang sewanya membuatkan saya mampu berbelanja besar untuk makan dan minum keluarga.*

*Hasilnya, kini saya sedikit obese namun saya bersyukur kerna wajah kacak saya ini telah menutupi kecomelan perut saya. Moga tak lama lagi seusai pulang dari Phuket Marathon, Bali Marathon dan Singapore Marathon, tubuh badan saya akan kembali ideal dan digilai ramai gegadis.*

*Mohon doa dari kalian terutamanya Abam-Abam berikut :*

*Abam [Muhammad Ihsan](#), Abam [Tarmizi Abdullah Maamuom](#), Abam [Mohd Hafiz Bin Kamaruddin](#), Abam [Shakhairul Nizam Ramli](#) dan Dato [Nazri Mustafa](#)*

### **Jadual 1:**

*Bentuk morfem hantaran Azizul Azli Ahmad dan balasan daripada halaman media sosial Facebook.*

Bil.	Pembentukan morfem	Contoh morfem	Padanan morfem
1.	pengguguran satu huruf	kerna	kerana
2.	pengguguran dua huruf	tak	tidak
3.	pengguguran tiga atau lebih huruf		
4.	pengguguran dan penggantian huruf	abam	abang
5.	penggantian/penambahan huruf		
6.	pengguguran suku kata/imbuan	beri	memberi
7.	pengguguran suku kata dan pengguguran/ penambahan huruf		
8.	penggantian perkataan	compounding interest, obese	Faedah kompaun, gemuk

### **Analisis:**

Terdapat lima jenis transformasi morfologi iaitu pengguguran satu huruf, pengguguran dua huruf, penggantian huruf, pengguguran imbuhan dan penggantian perkataan. Transformasi penggantian berlaku melalui penggantian perkataan bahasa Melayu dengan perkataan bahasa Inggeris. Transformasi penggantian adalah yang paling pesat berlaku. Selain dua perkataan yang tertera dalam jadual, terdapat satu kata dalam bahasa Inggeris yang ditambahkan dengan imbuhan bahasa Melayu.

(lihat Data 1).

Sampel (2) ialah hantaran yang dikutip daripada hantaran Facebook Emelda Balchin bertarikh 18 Mei 2024. Subjek atau isu yang diulas berkaitan anak dalam kandungan. Alamatnya:

<https://www.facebook.com/photo/?fbid=10160005055891659&set=a.10150574774421659>

**Sampel 2:**

*Pernah satu ketika 16 tahun dulu, semasa chek seorang doktor junior muda di negara UK, chek masuk training program untuk belajar fetal medicine.*

*Pada permulaannya chek tak reti nak bagi kaunseling kepada pasangan suami-isteri yang diberitahu berita sedih anak di dalam kandungan ada kecacatan serious yang tak boleh diselamatkan. Dari segi kemahiran ultrasound scan dan membuat penilaian kesihatan janin di dalam kandungan, chek dah tera dah, tetapi cara nak bagi kaunseling itu kena ada lebih banyak pengalaman.*

*Masa itu suami-isteri mengangis. Chek pun tak boleh tahan sedih dan turut menangis bersama-sama dengan pesakit. Lepas tu boss masuk, tarik chek keluar bilik. Chek kena marah kaw-kaw, apasal menangis dengan pesakit. Doktor tak boleh menangis. Sedih macam mana pun doktor tak dibenarkan menangis. Kalau doktor menangis nanti patient pulak rasa kesian kat doktor dan rasa bersalah maka mereka tak jadi nak luahkan perasaan hati mereka. Mana boleh macam tu.*

*Sejak dari hari itu, chek kena tahan diri dari menangis walaupun chek sedih. Susah oooo tiap-tiap hari kena tahan diri jangan termenangis depan patient.*

*Tahan air mata, tahan air mata.*

*Sampai sekarang.*

**Jadual 2:**

*Bentuk morfem balasan hantaran Emelda Balchin daripada halaman media sosial Facebook.*

Bil.	Pembentukan morfem	Contoh morfem	Padanan
1.	pengguguran satu huruf		
2.	pengguguran dua huruf	tak	tidak
3.	pengguguran tiga atau lebih huruf	nak	hendak
4.	pengguguran huruf/suku kata dan penggantian huruf		
5.	penggantian/penambahan huruf		
6.	pengguguran suku kata/imbuan	tarik, luahkan, tahan	menarik, meluahkan, menahan
7.	pengguguran suku kata dan penambahan/pengguguran huruf		
8.	penggantian perkataan	training, fetal medicine, serious, ultrasound scan patient	latihan, ubat janin, serius, imbasan ultrasound, pesakit

**Analisis:**

Transformasi morfologi berlaku dengan pesat antaranya ialah pembentukan morfem singkat “tak”. Dalam transformasi ini kedua-dua suku kata bagi morfem “tidak” digugurkan iaitu melibatkan dua huruf (“i” dan “d”). Selain itu pembentukan morfem singkat “nak”. Dalam transformasi ini kedua-dua suku kata bagi morfem “hendak” digugurkan iaitu melibatkan tiga huruf (“h”, “e”, dan “d”).

Sampel (3) ialah hantaran yang dikutip daripada Facebook Pahrol Juoi bertarikh 10 Mei 2024. Subjek atau isu yang diulas berkaitan ketentuan Allah. Alamatnya:

[https://www.facebook.com/permalink.php?story\\_fbid=pfbid0M41iRxHz9fHsT34TkMdet9Bj8GAfkadWgGFYKAVNboGhDT9xiXpGq1rSbe1Csd2NI&id=100044565273731](https://www.facebook.com/permalink.php?story_fbid=pfbid0M41iRxHz9fHsT34TkMdet9Bj8GAfkadWgGFYKAVNboGhDT9xiXpGq1rSbe1Csd2NI&id=100044565273731)

**Sampel 3:**

*Semalam ku dengar cerita gadis yang sakit. Sejak dulu mudah sangat dijangkiti demam. Ada yang salah pada sistem imunisasi dalam tubuhnya. Yang sepatutnya pelindung menyerang dirinya sendiri. Masih muda. Masih bernyala impian dan cita-cita. Cerdas dan bijak. Tetapi potensi itu terhalang kerana kesihatan. Di mana keadilan? Ketika orang baik terhenyak. Yang jahat melonjak di puncak? Kubaca kitab Tajul 'Arus karya Ibnu Ataillah. Tentang pentingnya taubat, zikir, istighfar dan menyesal. Tentang kasih Allah untuk membersihkan hambaNya. Lalu dikurniakan kemahuan untuk mengubat hatinya dengan empat langkah itu.*

*Namun, mana mungkin minum ubat dengan diiringi minum racun. Justeru, sebelum ubat berkesan, racun itu dulu yang cepat mematikan.*

*Lalu Ibnu Ataillah RHM berpesan:*

*"Engkau memakan yang haram dan melihat sesuatu yang haram. Barangsiapa yang melakukan pelanggaran dan mengikut syahwat, hatinya akan menjadi gelap..."*

*Lalu bagaimana Allah terus mengasihi hambaNya yang lemah ini? Ibnu Ataillah RHM menulis lagi, "jika dia tidak bertaubat di saat sihat, boleh jadi dia diuji dengan berbagai penyakit dan ujian sehingga keluar dari dosa laksana pakaian saat dicuci..."*

*Dunia ini sementara. Begitulah juga, suka dan dukanya. Perang dan amannya. Semuanya sementara. Agar kita tidak terlalu. Kerana terlalu membuat kita melulu.*

*Dunia di sini adalah dunia yang melalaikan dari akhirat. Dunia seharusnya berada di tangan, bukan di hati. Ibnu Ataillah berkata lagi, "jika disatukan dengan cinta Allah dalam satu hati, tentu cinta dunia akan mengusai hati mu."*

*Justeru, menghadapi dunia dan manusia mesti sederhana. Benci, jangan terlalu. Sayang juga begitu. Hati dan akal mesti dititik sederhana.*

*Emosi mesti seimbang. Yakin bukan bererti menafikan ada kemungkinan tersalah. Jika bersalah, jangan terlalu kecewa. Sebaliknya, bangkit semula melurus dan mentukuskan langkah. Kita bukan sempurna. Kita hanya hamba.*

**Jadual 3:**

*Bentuk morfem hantaran Tun Dr. Mahathir daripada halaman media sosial Facebook.*

Bil.	Pembentukan morfem	Contoh morfem	Padanan
1.	pengguguran satu huruf	ku,	aku

2.	pengguguran dua huruf	mu	kamu
3.	pengguguran tiga atau lebih huruf		
4.	pengguguran huruf/suku kata dan penggantian huruf	dulu	dahulu
5.	penggantian/penambahan huruf		
6.	pengguguran suku kata/imbuan		
7.	pengguguran suku kata dan penambahan/pengguguran huruf		
8.	penggantian perkataan		

### Analisis:

Transformasi morfologi berlaku pada kadar tidak pesat. Terdapat tiga jenis transformasi iaitu pengguguran satu huruf, pengguguran dua huruf dan pengguguran suku kata seperti yang disenaraikan di dalam jadual 3.

Hasil kajian mendapati bahawa responden menggunakan simbol atau angka dalam teks Whatsapp dan juga Facebook. Beberapa perkataan dalam suatu ayat telah digantikan oleh simbol atau angka yang langsung tidak bermakna tetapi merupakan homofon bagi perkataan tertentu untuk menambahkan humor dalam ayat tersebut (Rujuk Jadual 1). Mengikut Chen (2008), penggunaan simbol atau angka sebegini juga dianggap sebagai “Bahasa Marikh” dan banyak digunakan oleh generasi 90-an selaras dengan perkembangan teknologi maklumat kini yang semakin pesat.

### Jadual 4:

*Penggunaan Simbol atau Angka dalam Whatsapp / Facebook.*

Bil	Bahasa Whatsapp / Facebook	Transkrip	Terjemahan
1	我要休息了, 886。	我要休息了, 拜拜咯! !	Saya mahu berehat sekarang, <b>jumpa lagi.</b>
2	9898, 我们去吃好料。	走吧走吧, 我们去吃东西。	<b>Jom</b> pergi makan.
3	我爱你 1314。	我爱你一生一世。	Saya mencintai kamu <b>selama-lamanya.</b>
4	老婆, 521/520!	老婆, 我爱你!	Sayang, <b>saya cinta akan kamu!</b>



5	车祸的车主肯定 9413 了。	车祸的车主肯定九死一生了。	Mangsa kemalangan kereta pasti <b>nyawanyawa ikan.</b>
6	朋友, 你要+U 啊!	朋友, 你要加油啊!	<b>Berusalah, kawan!</b>

Hasil kajian juga mendapati bahawa responden menggunakan perkataan Cina yang tidak standard dalam komunikasi di dunia maya. Akan tetapi, ia sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan kaum Cina sama ada di Malaysia ataupun di Singapura. Perkataan tersebut tidak wujud dalam Kamus Bahasa Cina malah hanya boleh difahami oleh penutur bahasa Cina di Malaysia dan Singapura (Rujuk Jadual 2). Penggantian perkataan ini disebabkan oleh homofon perkataan. Misalnya, “同学 tong xue” digantikan oleh “童鞋 tong xie”, “我 wo” digantikan oleh “偶 ou” manakala “不要 bu yao” pula digantikan oleh “表 biao” yang bermaksud “tidak mahu” atau “jangan”.

Seterusnya, Zhao dan Fang (2015) telah mengkajikan sebutan bagi kata ganti “这样 zhe yang” yang kini telah banyak digantikan oleh “酱 jiang” di Malaysia. Wang (2016) pula mengemukakan penggunaan “做莫 zomok” merupakan akronim daripada “做什么 zuo shen me” yang dipengaruhi oleh penggunaan dialek Cina (Kantonis dan Hokkien) di Malaysia. Terdapat juga ungkapan humor dalam teks Whatsapp dan Facebook seperti “炸到 zha dao” yang bermaksud “terkena bom” tetapi boleh difahami sebagai “geram”. Selain itu, “鸟话 niao hua” yang bermaksud “bahasa burung” pula membawa maksud “merepek” seperti dalam simpulan bahasa Melayu “mulut murai”.

### Jadual 5:

*Penggunaan Homofon atau Akronim dalam Whatsapp/Facebook.*

Bil	Bahasa Whatsapp / Facebook	Transkrip	Terjemahan
1	你做莫酱听他的话咧? ?	为什么你这么听他的话呢?	<b>Kenapa</b> kamu begitu dengar cakap dia?
2	我被他炸到。	我被他气得无言以对。	<b>Geramnya!</b>
3	童鞋们, 假期又来了! !	同学们, 假期又到了! !	<b>Murid-murid</b> , cuti dah tiba!
4	你就爽啦!	你真幸福!	<b>Seronoknya</b> kamu!
5	要酱咩?	真的要这样做吗?	Nak buat <b>begitu</b> ?
6	你表乱来咯!	你不要胡来!	<b>Jangan</b> buat bukan-bukan!
7	喂, 表乱乱讲咯!	喂, 不要胡说!	Eh, jangan cakap <b>bukan-bukan!</b>

8	偶去睡料，表听你讲鸟话料。	我要睡了，不要听你说废话了。	Saya nak tidur, tak mahu dengar kamu merepek.
---	---------------	----------------	---

Bahasa Cina di Malaysia juga mengintegrasikan dialek Cina seperti bahasa Hokkien, Kantonis, Hakka dan sebagainya dalam perkataan Cina (Rujuk Jadual 3). Contohnya, penggunaan Hokkien seperti “paiseh”, “sibeh”, “chaboh”, “sien”, “jio” dan “hochiak” boleh difahami oleh kebanyakan kaum Cina walaupun tidak mahir dalam bahasa tersebut. Huang (2013) telah membuat kajian berkenaan perkataan “了 le” yang bermaksud “sudah”. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan penutur Cina menggantikan “了 le” dengan perkataan “料 liao” dalam komunikasi lisan mahupun komunikasi dalam dunia maya. Fenomena ini berlaku oleh sebab pengaruh dialek Hokkien.

### Jadual 6:

*Penggunaan Dialek Cina dalam Whatsapp / Facebook.*

Bil	Bahasa Whatsapp / Facebook	Transkrip	Terjemahan
1	表酱啦，我很paiseh 咧!	别这样，我很不好意思!	Janganlah begini, saya <b>malu!</b>
2	你这个人 sibeh 够力咯!	你这个人真的很糟糕咯。	Kelakuan kamu <b>sangat buruk!</b>
3	我 sibeh 想你。	我真的好想你。	Saya <b>sangat</b> merindui kamu.
4	这个 chaboh 脾气坏到死!	这个女人脾气真坏!	Buruknya perangai <b>wanita</b> ini!
5	sien 到.....	真无聊!	<b>Bosannya.....</b>
6	这碗面 hochiak 咯!	这碗面真好吃咯!	Mi ini sangat <b>sedap!</b>
7	记得 jio 我一起去啊!	记得约我啊!	Ingat ya! <b>Ajak</b> saya bersama!
8	你做事不要哩哩啦啦可以吗?	你做事别拖拖拉拉好吗?	Kamu jangan asyik <b>menangguhkan</b> kerja kamu.

Hasil kajian juga mendapati bahawa responden menggunakan perkataan dalam bahasa asing iaitu bahasa Inggeris dalam teks Whatsapp dan Facebook. Penggunaan akronim, iaitu singkatan daripada setiap huruf pertama dalam perkataan seperti “BF”, “GF”, “KO” adalah umum digunakan. Selain itu, penggunaan perkataan bahasa Inggeris seperti “sweet”, “driver”, “emo” pula dapat menjelaskan terdapatnya berbagai-bagai bahasa yang tersimpan dalam minda leksikon pengirim mesej tersebut.

Fenomena ini banyak wujud dalam masyarakat di Malaysia disebabkan oleh berbilang bangsa dan bahasa yang dituturkan di sini.

## 7. Kesimpulan

Kemunculan media sosial yang memanfaatkan kewujudan Internet dan penciptaan peralatan komunikasi terutama komputer riba dan telefon pintar serta aplikasinya telah mendatangkan kesan yang sangat besar terhadap cara dan dinamika manusia berkomunikasi. Berita, cerita, pandangan dan ulasan tentang sesuatu peristiwa dan isu tidak lagi dimonopoli oleh segelintir elit manusia yang dipanggil wartawan yang bekerja di syarikat-syarikat penerbitan besar. Sebaliknya, hampir segenap lapisan masyarakat dapat menyampaikan berita, cerita, pandangan dan ulasan masing-masing melalui wadah media sosial yang tersedia luas ini dengan hanya duduk di rumah atau di dalam kenderaan. Keadaan ini mencetuskan dinamika komunikasi yang menjadi sangat pantas dan tangkas. Berita, cerita, pandangan dan ulasan tentang sesuatu peristiwa atau isu disebar dalam detik jam atau minit, malah saat, bukan lagi dalam tempoh hari, minggu dan bulan. Dinamika komunikasi yang seperti ini nampaknya telah mendatangkan kesan terhadap bentuk bahasa yang digunakan dalam media sosial. Bahasa yang digunakan menjadi lebih padat dan ringkas untuk memenuhi keperluan dinamika komunikasi yang pantas dan tangkas.

Dalam situasi ini, timbullah persoalan dan dilema. Antaranya adalah tentang usaha memelihara kemurnian bahasa, khususnya yang berbentuk tulisan yang menjadi fokus kajian ini. Antara persoalannya adalah sama ada golongan elit bahasa perlu menyekat penggunaan bahasa yang padat dan ringkas ini kerana dianggap mengancam kemurniaan bahasa atau membiarkan masyarakat umum, yang sebahagian besarnya ialah pengguna media sosial, menentukan bentuk bahasa yang diterima secara konvensi. Sekatan yang melampau terhadap penggunaan bahasa oleh masyarakat umum dikhuatiri akan membantutkan perkembangan bahasa itu secara “semula jadi” terutama untuk memenuhi keperluan yang dibawa oleh perubahan yang berlaku dengan cepat. Sebaliknya, penyerahan secara total kepada masyarakat dibimbangi akan melahirkan bentuk-bentuk bahasa yang janggal dan menyimpang dari rumus-rumus tatabahasa, keadaan yang boleh menjejaskan usaha pengembangan sesuatu bahasa, khususnya sebagai bahasa kedua.

Sudah sampai masanya bagi elit-elit bahasa (pemimpin politik dan pemimpin masyarakat, serta ahli dan pejuang bahasa) meneliti cabaran ini dan memikirkan strategi untuk memelihara kemurnian bahasa sambil memberikan ruang untuk perkembangannya. Antara strategi tersebut adalah membentuk dan memperkenalkan sistem ejaan baharu yang lebih ekonomik dari segi penggunaan aksara, dan dinamik dalam mendepani perubahan pesat cara dan dinamika masyarakat berkomunikasi. Sistem ejaan baharu ini perlu diseimbangkan antara kecenderungan masyarakat kini dan keperluan memelihara keaslian dan kemurnian bahasa.

## 8. Rujukan

- Chen Jiaxuan. (2008). *"Mars Literature": New Development of Internet Language. Rhetoric Learning*. Vol 14.
- Huang Lishi (2013). *A study on the phenomenon of using "liao" (liao) to fill "le" (le) in Malaysian Chinese*. Journal of Yangtze Universiti(Social Sciences). Vol.36. No.7,
- Nik Safiah Karim et al. (2003). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Wang Xiaomei (2016). *The interrogative element "do what" in spoken Malaysian Chinese*. Journal of Chinese Linguistics. Vol 2.
- Zhao Min, Fang Qingming (2015). *The pronoun "jiang" in Malaysian spoken Chinese*. Journal of Chinese Studies. Vol 4.
- Kartini Abd. Wahab. (2018). *Ciri dan Fungsi Komunikatif Bahasa Melayu Sabah dalam Media Sosial*. <http://journalarticle.ukm.my/13145/1/20525-91758-1-PB.pdf> (akses pada 2 Mei 2024)
- Noor Akhmarisha et al. (2017) *Analisis Linguistik terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Pelajar di IPTS*. <http://ur.aeu.edu.my/523/1/ANALISIS%20LINGUISTIK%20TERHADAP%20PENGGUNAAN%20MEDIA%20SOSIAL%20DALAM%20KALANGAN%20PELAJAR%20DI%20IPTS.pdf> (akses pada 10 Mei 2024)
- Siti Norsyahida et al. (2015) *Penggunaan Bahasa dalam Laman Blog dari Aspek Mofologi*. <https://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2015/09/3.-kesalahan-bahasa-dalam-lamanblog-web.pdf> (akses pada 15 Mei 2024)
- Zhongguo Shehui Kexue Yuan. Yuyan Yanjiusuo. Cidian Bianjiashi. (2012) *Xiandai Hanyu Cidian*. *The Commercial Press:Beijing*.